

FPT terima sumbangan gazebo di SFERA@UMS

UB 01.12.2023 P.08

KOTAKINABALU: Fakulti Perhutanan Tropika (FPT) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sumbangan berupa gazebo daripada Pusat Pembangunan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) Sabah yang dibina di Sfera@UMS dipanggil Sulap WISDEC baru-baru ini.

Sumbangan disampaikan Pengarah WISDEC, Ts Farydatul Nazly Mohd. Zin yang juga merupakan alumni program Teknologi dan Industri Kayu ambilan pertama tahun 2000.

Beliau turut merasmikan gazebo berkenaan yang akan digunakan oleh pelajar dan kakitangan menjalankan amali pengajaran dan pembelajaran dalam kawasan SFERA@UMS.

Ia bersempena dengan majlis Penutupan dan Penyampaian Sijil Professional Management Development (PMD) Khas Industrial Based Learning (IBL) atau pembelajaran berdasarkan industri di antara Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan UMS.

Dekan FPT, Prof. Madya Dr. Normah Awang Besar @ Raffie, berkata program PMD Khas itu bermula 9 Oktober 2023 sehingga 24 November 2023.

Katanya, ia bukan sahaja memberi pendedahan kepada pengoperasian dan juga suasana kerja sebenar dalam industri perkayuan, malah pelajar juga berpeluang mendapatkan pengalaman pem-



ALBUM: Dr. Normah (belakang, dua kanan) dan Farydatul (belakang, tengah) bergambar bersama pensyarah dan pelajar program Teknologi dan Industri Kayu di Sulap WISDEC.

belajaran di luar kampus secara holistik.

“Pelajar tidak hanya diberikan pengetahuan, tetapi juga ditanamkan nilai kebertanggungjawaban, kecekapan dan kerjasama dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan.

“Ini antara elemen penting yang tidak hanya membentuk pelajar sebagai pekerja mahir tetapi juga sebagai individu yang berdaya maju,” katanya semasa menyampaikan ucapan pada majlis itu.

Beliau berkata melalui modul pembelajaran dalam



RASMI: Farydatul (dua dari kanan) memotong reben sebagai simbolik perasmian Sulap WISDEC.

program ini, seramai 14 orang pelajar telah menyiapkan gazebo untuk diserahkan kepada pihak fakulti.